

**SYARAT – SYARAT PERMOHONAN SIJIL / TRANSKRIP AKADEMIK /
VERIFICATION OF TRAINING (VOT), INSTITUT LATIHAN KEMENTERIAN
KESIHATAN MALAYSIA**

1. SYARAT – SYARAT PERMOHONAN

- a) Permohonan mendapatkan Sijil / Transkrip Akademik / *Verification of Training* (VOT), Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia akan dipertimbangkan berdasarkan syarat – syarat penganugerahan Sijil / Transkrip Akademik / *Verification of Training* (VOT), Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia.
- b) Permohonan mendapatkan Sijil / Transkrip Akademik / *Verification of Training* (VOT), Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia hanya boleh dibuat oleh bekas pelatih Program Sijil atau Diploma, Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia.
- c) Setiap permohonan Sijil / Transkrip Akademik / *Verification of Training* (VOT), Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia akan diproses dalam tempoh **30 HARI BEKERJA** daripada tarikh penerimaan permohonan yang lengkap.
- d) Permohonan bagi Sijil / Transkrip, Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia bermula **selepas tahun 2005** manakala bagi **tahun sebelum 2005** hanya *Verification of Training* (VOT), Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia diberikan untuk setiap permohonan.
- e) Bagi **KURSUS KEJURURAWATAN (PSL)** hanya **Sijil sahaja dikeluarkan dan TIADA Transkrip Akademik untuk kursus tersebut.**
- f) Permohonan Sijil / Transkrip Akademik / *Verification of Training* (VOT), Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia **secara walk-in yang memerlukan pada hari yang sama tidak akan dilayan sama sekali.**
- g) Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila e-mel ke **upp.bpl@moh.gov.my**

2. PERMOHONAN

- i. Sijil / Transkrip Akademik / *Verification of Training* (VOT) **BAHARU** (pelatih yang tidak pernah memohon / mendapat sijil / transkrip / VOT). Dokumen yang diperlukan:
 - Borang Permohonan BPL-KKM/UPP-01
 - Salinan Kad Pengenalan pemohon (disahkan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan A)
 - Salinan Pendaftaran Lembaga (bagi program berkenaan sahaja)
 - Salinan Diploma program berkenaan (bagi permohonan transkrip / VOT sahaja)
- ii. Sijil / Transkrip Akademik HILANG / ROSAK. Dokumen yang diperlukan:
 - Borang Permohonan BPL-KKM/UPP-01
 - Salinan Kad Pengenalan pemohon (disahkan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan A)
 - Salinan Pendaftaran Lembaga (bagi program berkenaan sahaja)
 - Laporan polis (bagi dokumen yang hilang)
 - Dokumen asal (bagi penggantian dokumen yang rosak)
 - Bayaran sebanyak RM 50.00 akan dikenakan bagi setiap permohonan Sijil / Transkrip Akademik yang hilang / rosak
 - Cara membuat pembayaran:
 - a) Tunai di Kaunter
 - Bayaran secara tunai boleh dibuat di kaunter bayaran Bahagian Pengurusan Latihan (BPL) di Aras 3, No. 26 Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya
 - Kaunter hanya dibuka pada hari bekerja Isnin – Khamis (8.30 pagi – 1.00 petang dan 2.00 petang – 4.30 petang) dan Jumaat (8.30 pagi – 12.00 tengahari dan 2.45 petang – 4.30 petang)
 - Sila Pastikan pembayar membawa wang secukupnya untuk memudahkan urusan pembayaran dan sila semak resit bayaran sebelum meninggalkan kaunter.

b) Kiriman Wang / Wang Pos / Draf bank

- Sila Pastikan nama pembayar, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan tujuan bayaran ditulis di belakang kiriman wang / wang pos / draf bank setiap kali membuat pembayaran. Ketiadaan maklumat tersebut menyukarkan Bahagian ini untuk mengenalpasti identiti pembayar.
- Bahagian ini akan memulangkan semula kiraman wang / wang pos / draf bank kepada pembayar sekiranya telah melebihi tarikh luput untuk ditunaikan. Pembayar perlu mengepos kiriman wang / wang pos / draf bank kepada Bahagian ini.
- Sila ambil maklum bahawa kiriman wang / wang pos / draf bank mempunyai tempoh sah laku terhad kepada **satu (1) bulan** sahaja dari tarikh ia dikeluarkan.
- Bayaran dalam bentuk cek peribadi tidak akan diterima.
- Bayaran hendaklah dibuat atas nama “**KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**”

iii. Borang permohonan BPL-KKM/UPP-01 boleh dimuat turun melalui laman sesawang <http://latihan.moh.gov.my>

- Permohonan yang telah lengkap diisi boleh dihantar melalui e-mel upp.bpl@moh.gov.my
- Dokumen – dokumen yang berkaitan seperti dalam senarai semak (BPL-KKM/UPP-03) dan kiriman wang / wang pos / draf bank perlu dipos ke alamat berikut:

Setiausaha Bahagian,
Bahagian Pengurusan Latihan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 3 & 6, No. 26 Persiaran Perdana,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Presint 3, 62675 Putrajaya
(U.P. KPSUK, Unit Peperiksaan dan Pensijilan).

3. CARA PENYERAHAN SIJIL / TRANSKRIP AKADEMIK, INSTITUT LATIHAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

i. Ambil Sendiri

Pemohon yang mengambil sendiri di Bahagian Pengurusan Latihan (Unit Peperiksaan dan Pensijilan) perlu mengemukakan dokumen pengenalan diri kepada pegawai bertugas. Pemohon juga perlu mengisi Borang Akuan Penerimaan Sijil / Transkrip Akademik yang dikeluarkan oleh pegawai bertugas semasa mengambil dokumen.

ii. Melalui Wakil

Pemohon yang tidak dapat hadir boleh melantik wakil secara bertulis melalui Surat Pelantikan Wakil (BPL-KKM/UPP-02). Wakil yang dilantik perlu mengemukakan dokumen pengenalan diri kepada pegawai bertugas dan perlu mengisi Borang Akuan Penerimaan Sijil / Transkrip Akademik yang dikeluarkan oleh pegawai bertugas semasa mengambil dokumen.

iii. Secara Pos

Menggunakan sampul PraBayar POSLAJU Sampul L (Sampul Oren di antara Semenanjung ATAU Sampul Biru di antara Semenanjung ke Sarawak / Sabah) yang telah diisi dengan lengkap dan jelas nama pemohon, alamat surat-menyurat dan maklumat untuk dihubungi (ruangan KEPADA).

- Pemohon perlu mencata no. rujukan sampul POSLAJU berkenaan pada borang permohonan BPL-KKM/UPP-01
- Sampul PraBayar POSLAJU tersebut MESTILAH BELUM DIGUNAKAN dan dihantar ke alamat seperti di atas.
- Sila fahami bahawa pengeposan melalui Pos Malaysia adalah tertakluk kepada kawalan dan syarat – syarat Pos Malaysia Berhad.
- Permohonan untuk penghantaran dokumen ke luar negara mestilah disertakan sampul FLEXIPACK INTERNATIONAL (biru/merah) mengikut zon negara.

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Latihan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Edisi Pertama : Mei 2019
Edisi Kedua : Jun 2021